



## SIARAN AKHBAR

### **Maklumat Palsu Mengenai Pengeluaran Matawang Baru**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mendapati bahawa ada maklumat palsu yang mendakwa bahawa matawang Ringgit Brunei baru akan dikeluarkan.
2. AMBD ingin mengingatkan orang ramai untuk berhati-hati dan tidak mudah terpedaya apabila menerima maklumat melalui sumber-sumber tidak rasmi, terutamanya mengenai isu-isu dasar monetari, pengeluaran matawang, dan penyeliaan institusi-institusi kewangan. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak menyebarkan maklumat yang tidak sahih dan palsu.
3. AMBD juga ingin mengingatkan orang ramai bahawa menurut seksyen 13 daripada Perintah Matawang 2004 (Currency Order 2004), mana-mana orang yang mengeluarkan matawang dan duit syiling, atau apa-apa dokumen atau tanda, yang serupa atau mungkin dianggap sah diperlakukan, jika sabit kesalahan akan didenda, dipenjarakan tidak melebihi 15 tahun, atau kedua-dua sekali.
4. Mana-mana maklumat mengenai dengan pengeluaran matawang baru, sama ada matawang untuk peredaran atau matawang kenang-kenangan, akan dimaklumakn melalui platform media AMBD rasmi.
5. Maklumat lanjut mengenai matawang Negara Brunei Darussalam boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun melalui 'App Store' dan 'Google Playstore'; atau dengan melayari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>; atau dengan mengikuti AMBD di Instagram, melalui @autoriti\_monetari.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 28 Jamadilakhir 1438 / 27 Mac 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3